




KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

“

# KERATAN AKHBAR KESUMA”

SELASA  
7 April 2026



## Isteri, anak Amirul Hafiz terima faedah Perkeso

**SHAH ALAM:** Isteri Allahyarham Amirul Hafiz Omar layak menerima pencen penakat daripada Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) setiap bulan seumur hidup selepas suaminya mempunyai caruman dengan badan berkanun itu.

Manfaat sama turut diterima oleh ketiga-tiga anak Amirul Hafiz, 33, yang sebelum ini bekerja sebagai pembantu stor dekat sebuah syarikat logistik, TVH Malaysia Sdn. Bhd. selama 15 tahun.

Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Kumpulan Perkeso, Datuk Seri Dr. Mohammed Azman Aziz Mohammed berkata, semasa hayat Allahyarham dan majikannya merupakan seorang pencharum yang aktif di bawah skim Lindung Pekerja, Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969.

Beliau berkata, sebagai isteri, Nurul Nadia layak menerima tiga perlima sementara anak-anaknya menerima dua perlima daripada pendapatan Amirul Hafiz sebelum ini.

“Caruman itu adalah antara peninggalan arwah untuk isteri dan anak-anak atau waris, iaitu menyediakan bantuan perlindungan keselamatan sosial. Untuk masa depan dan kesinambungan (hidup) keluarga.

“Arwah selama bekerja dan majikannya bertanggungjawab mencharum, maknanya setiap bayaran pencen (penakat) penuh boleh dibayar sebab caru-



**MOHAMMED** Azman Aziz Mohammed menyampaikan sumbangan faedah Perkeso kepada Nurul Nadia Abdul Majid dekat kediamannya di Shah Alam, Selangor, semalam. - UTUSAN / AFIQ RAZALI

man yang dicarum itu tiada kekurangan,” katanya ketika berkunjung dan menyerahkan sumbangan Faedah Pengurusan Mayat (FPM) sebanyak RM3,000 kepada Nurul Nadia Abdul Majid, semalam.

Mohammed Azman menambah, Perkeso juga akan membantu waris Allahyarham untuk

mendapatkan pinjaman pendidikan apabila mereka berhasrat melanjutkan pelajaran ke institusi pengajian tinggi (IPT).

Sementara itu, Nurul Nadia ketika ditemui memberitahu terharu dengan bayaran pencen tersebut yang akan digunakan menampung kehidupan dan pendidikan anak-anaknya.

“Saya rasa lega bila terima amaun itu, yang penting anak-anak boleh hidup, itu paling penting. Sebab, sebelum ini memang bergantung sepenuhnya kepada suami.

“Pentingnya ada Perkeso, bila mereka datang rumah dan beritahu layak dapat, anak-anak layak dapat,” katanya.

Nahas maut akibat pemandu mabuk

# 'Saya tak boleh sedih lama-lama, perlu bangkit bekerja demi anak'

**PERKESO santuni, serah Faedah Pengurusan Mayat kepada Nor Nadia**

Oleh Ruwaida Md Zain  
bhnews@bh.com.my

**Shah Alam:** Menyedari tanggungjawab besar yang kini tergalas di bahunya susulan pemergian suami, Nor Nadia Abdul Majid nekad bangkit bagi membesarkan anak yang masih kecil dan perlu bersekolah.

"Saya tidak boleh bersedih lama-lama. Anak saya kecil lagi, mereka nak membesar dan memerlukan perhatian, perlukan pelajaran.

"Saya kena bangkit. Saya harap angan-angan membuka perniagaan 'bundle' yang pernah saya cerita dekat arwah suami

menjadi kenyataan.

"Saya minat nak jual secara 'live host', Insya-Allah. Saya perlukan kerja yang fleksibel supaya sentiasa ada masa untuk anak," katanya kepada media di kediamannya di Pangsapuri Ken Rimba, Seksyen 16 di sini, semalam.

Suaminya, Amirul Hafiz Omar, 33, maut dalam kemalangan akibat dirempuh pemandu mabuk di Jalan Raya Barat, Klang, Selangor, 26 Mac lalu.

#### Rancang carum PERKESO

Terdahulu, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO), Datuk Seri Dr Mohammed Azman Aziz Mohammed, menyantuni dan menyerahkan Faedah Pengurusan Mayat (FPM) kepada Nor Nadia.

Nor Nadia merancang membuat caruman walaupun bekerja sendiri di bawah Pekerjaan Sendiri (LINDUNG KENDIRI).

"Saya mahu mencarum selepas ini sebab saya hanya suri rumah. Sekurang-kurangnya,



Mohammed Azman menyerahkan FPM kepada Nor Nadia di kediamannya di Pangsapuri Ken Rimba, Seksyen 16, Shah Alam, semalam. (Foto Faiz Anuar/BH)

bila saya tiada, anak dapat manfaat daripada caruman saya.

"Insya-Allah, nilai caruman pun tidak membebankan sangat, saya akan mencarum selepas

ini," katanya.

Ditanya mengenai dua anak lelakinya yang kini berada di Perak, beliau mengakui mereka menziarahi kubur arwah bapa

setiap hari.

"Saya dimaklumkan mereka okay dan saya dalam proses menukar sekolah mereka," katanya.

# Bantuan ringankan beban keluarga

**Balu Amirul Hafiz, tiga anak terima pencen penakat PERKESO setiap bulan**

Oleh ROSKHOIRAH YAHYA

**SHAH ALAM** - Isteri kepada Amirul Hafiz Omar, 33, penunggang motosikal yang maut dirempuh pemandu mabuk di Jalan Raya Barat bersyukur apabila mendapat khabar gembira layak menerima pencen penakat Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO).

Ibu kepada tiga anak itu, Nor Nadia Abdul Majid, 32, menerima bantuan bulanan RM2,888.17 manakala anak-anak mendapat manfaat bantuan kewangan pendidikan sehingga berusia 21 tahun atau tamat pengajian ijazah pertama.

Nor Nadia berkata, bantuan yang di-

terimanya itu, sedikit sebanyak meringankan beban mereka sekeluarga.

Menurutnya, kehadiran pegawai PERKESO ke rumah dan memaklumkan kelayakan tersebut benar-benar memberi kelegaan.

"Saya bersyukur bila dapat tahu layak terima bantuan PERKESO. Sekurang-kurangnya beban yang ditanggung terasa sedikit ringan terutama dalam membesarkan anak-anak yang masih kecil.

"Bantuan secara berterusan setiap bulan ini menjadi sumber pendapatan tetap buat kami keluarga. Oleh itu, selepas ini saya pula bercadang untuk mencarum dengan PERKESO.

"Walaupun anak-anak menerima manfaat daripada caruman arwah suami, saya tetap mahu mencarum supaya jika berlaku apa-apa kepada saya, anak-anak atau waris tetap dilindungi," jelasnya.



Mohamed Azman Aziz Mohammed menyampaikan pencen penakat PERKESO dan FPM kepada Nor Nadia.

Beliau berkata demikian ketika menerima kunjungan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan PERKESO, Datuk Seri Dr Mohamed Azman Aziz Mohammed ke rumahnya bagi menyampaikan pencen penakat PERKESO dan Faedah Pengurusan Mayat (FPM).

Nor Nadia berpandangan, caruman PERKESO tidak membebaskan kerana jumlahnya rendah namun memberi manfaat besar kepada penarum dan keluarga.

"Dengan bayaran hanya beberapa ringgit sebulan, ia mampu memberi jaminan kepada masa depan keluarga," ujarnya.

Sementara itu, Mohamed Azman berkata, semakan pihaknya mendapati Allahyarham Amirul Hafiz yang juga pekerja di TVH Malaysia Sdn Bhd selama 15 tahun adalah penarum aktif bawah skim Lindung

Pekerja, Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 (Akta 4).

Jelasnya, rekod caruman Allahyarham memenuhi syarat kelayakan di bawah Skim Keilatan, sekali gus melayakkan waris menerima pencen penakat sebagai jaminan kewangan berterusan.

"Caruman yang dibuat Allahyarham sebelum ini kini menjadi 'talian hayat' buat balu serta tiga anak mereka yang masing-masing berumur antara dua hingga sembilan tahun.

"Selain itu, PERKESO turut menyalurkan FPM berjumlah RM3,000 kepada waris," ujarnya.

Beliau turut menasihati semua majikan menjadi lebih bertanggungjawab dengan memastikan setiap pekerja didaftarkan dan mencarum di bawah PERKESO.

## Pencen Penakat jadi penyelamat

- Berharap tiada lagi insan tidak berdosa senasib suaminya
- Terharu keprihatinan rakyat Malaysia kepada keluarganya

Oleh MOHD. YUNUS YAKKUB

**SHAH ALAM** – Kebajikan balu dan tiga anak pekerja gudang yang maut dirempuh di Jalan Raya Barat, Klang Ahad lalu, terus terbelah selepas layak menerima Pencen Penakat Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) berjumlah RM2,888.17 sebulan.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Perkeso, Datuk Seri Dr. Mohammed Azman Aziz Mohammed, berkata Allahyarham Amirul Hafiz Omar, 33, yang juga pekerja di TVH Malaysia Sdn. Bhd. selama 15 tahun adalah pencarum aktif bawah skim LINDUNG Pekerja, Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 (Akta 4).

"Rekod caruman Allahyarham memenuhi syarat Skim Keilatan, membolehkan waris menerima Pencen Penakat.

"Caruman sebelum ini kini menjadi talian hayat buat balunya, Nur Nadia Abdul Majid, 32,



**MOHAMMED AZMAN** ketika menyampaikan faedah Perkeso kepada Nur Nadia di kediamannya di Pangsapuri Ken Rimba, Seksyen 16 Shah Alam. – AFIQ RAZALI

dan tiga anak mereka merangkumi Muhammad Aqif Amsyar, Muhammad Aff Izz Rayqal dan Nur Humaira, berumur dua hingga sembilan tahun," katanya.

Beliau sebelum itu menyerahkan Pencen Penakat serta Faedah Pengurusan Mayat berjumlah RM3,000 kepada Nur Nadia di Pangsapuri Ken Rimba, Seksyen 16 di sini semalam.

Mohammed Azman menambah, Nur Nadia akan menerima bayaran bulanan sepanjang hayat, manakala anak-anak pula dibantu dari segi pendidikan sehingga 21 tahun atau tamat pengajian ijazah pertama.

"Caruman Perkeso yang konsisten menjadi benteng penting bagi menjamin kelangsungan hidup waris dan menyelamatkan

masa depan keluarga Allahyarham," katanya.

Dalam pada itu Nur Nadia berkata, menjadi harapannya agar tiada insan tidak berdosa menjadi mangsa terhadap insiden sama terjadi Allahyarham suaminya.

"Mungkin ada hikmah dengan pemergian suami saya ini. Insyallah, saya berdoa ada perubahan



han dari segi hukuman dan Akta. Insyallah," katanya.

Ibu kepada tiga anak itu berkata, sumbangan daripada orang ramai yang diterima sehingga kini banyak membantu dari segi emosi dan kelangsungan hidup anak-anak mereka.

"Ramai yang bagi sumbangan sampai saya cagak letak di luar sahaja. Rakyat Malaysia memang prihatin.

"Saya pun kena bangkit. Tidak boleh bersedih lagi. Anak-anak masih kecil. Saya pun berharap impian membuka kedai pakaian terpakai dapat dilaksanakan. Harap orang ramai akan viralkan kedai yang saya buka nanti," jelasnya.

## Masih ada majikan 'lompat-lompat' mencarum

**SHAH ALAM** – Segelintir majikan di negara ini dikesan masih membuat caruman Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) secara tidak konsisten dipercayai bagi menjimatkan kos operasi.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Perkeso, Datuk Seri Dr. Mohammed Azman Aziz Mohammed berkata, walaupun jumlahnya tidak banyak, terdapat majikan yang mencarum secara 'lompat-lompat' iaitu hanya membuat bayaran pada bulan

tertentu dan mengabaikannya pada bulan lain.

Menurut beliau, keadaan itu biasanya dikesan melalui semakan rekod sebelum pasukan penguat kuasa Perkeso turun padang menegur majikan terlibat.

"Apabila kita semak rekod dan dapat ada dua bulan tidak bayar, pasukan penguat kuasa akan pergi ketuk pintu dan tanya kenapa tidak buat bayaran.

"Ada majikan kononnya buat begitu untuk jimat kos, tetapi jan-

gan sampai mengorbankan kebajikan pekerja," katanya.

Terdahulu, beliau menyampaikan pencen penakat Perkeso dan faedah pengurusan mayat kepada Nur Nadia Abdul Majid, 32, yang merupakan balu Allahyarham Amirul Hafiz Omar yang maut selepas dilanggar penambak khayal dadah.

Mohammed Azman, bagaimanapun tidak memperincikan jumlah majikan yang

berbuat demikian, sebaliknya menjelaskan keadaan itu tidak berada pada tahap membimbangkan tetapi angka tetap ada.

Beliau berkata, Perkeso sentiasa menjalankan aktiviti penguatkuasaan dan kesedaran bagi memastikan majikan mendaftar pekerja serta membuat caruman secara konsisten.

Tegas beliau, kegagalan berbuat demikian boleh memberi kesan besar kepada kebajikan pekerja dan waris sekiranya ber-

laku perkara tidak diingini seperti kemalangan.

"Walaupun keadaannya tidak membimbangkan, kita perlu ingat jika majikan tidak mendaftar atau mencarum dan berlaku sesuatu kepada pekerja, apa akan jadi kepada waris mereka.

"Janganlah kita berjinjit dengan tidak mendaftar atau mencarum kerana perlindungan sosial ini sangat penting kepada pekerja dan keluarga mereka," katanya.



Social Security Organisation group chief executive officer Datuk Seri Dr Mohammed Azman Aziz Mohammed presenting the Survivors' Pension to Nor Nadia Abdul Majid, whose husband died in a fatal crash involving an allegedly intoxicated driver on Sunday. NSTP PIC BY FAIZ ANUAR

SUPPORT FOR WIDOW, KIDS

## Perkeso pension for DUI crash victim's family

**SHAH ALAM:** The widow and three children of Amirul Hafiz Omar, who was killed in a fatal crash on Sunday, are eligible for the Pecen Penakat (Survivors' Pension) from the Social Security Organisation (Perkeso).

Perkeso group chief executive officer Datuk Seri Dr Mohammed Azman Aziz Mohammed said Amirul Hafiz, who worked in the logistics and delivery sector under TVH Malaysia Sdn Bhd for 15 years, was an active contributor under the Employees' Social Security Act 1969.

"His records meet the eligibility requirements under the Invalidity Scheme, thus qualifying his next of kin for the Survivors' Pen-

sion as a continuous financial guarantee.

"His previous contributions now serve as a lifeline for his widow, Nor Nadia Abdul Majid, 32, and their three children, aged between 7 and 9," Azman said after visiting the family at their home here yesterday.

Azman said Nor Nadia will get RM962.72 a month for life, while the children will each receive RM641.81 each until the age of 21 or upon completion of their first degree. The total monthly benefit is RM2,888.17.

Perkeso also disbursed a Funeral Management Benefit of RM3,000 and handed over food baskets to the family.

Azman said Perkeso would support the children's education through study loans and school assistance.

He reminded employers to comply with Perkeso registration and contribution requirements under the Employees' Social Security Act 1969.

"We will monitor employers. If contributions are missed or inconsistent, it will affect the benefits received by dependants."

He said Perkeso works with the police and more than 100 agencies to receive real-time information on deaths and accidents.

"We do not wait for claims. We go to the ground immediately so that no family is left behind."

# Milestone move for labour rights

## New tribunal and council launched to boost safeguards for gig workers

By **BENJAMIN LEE**  
benkh@thestar.com.my

**KUALA LUMPUR:** Another milestone was reached in protecting gig workers in the country with the appointment of members to the newly established Gig Workers Tribunal (TPG) and Gig Workers Consultative Council (MPGig).

Human Resources Minister Datuk Seri R. Ramanan (*pic*) said the tribunal will comprise 50 members, 22 of whom are industrial court chairpersons appointed on an interim basis as tribunal president, deputy president and tribunal members.

They will join 28 industrial relations officers, who will contribute

technical expertise in labour law to ensure the smooth implementation of the tribunal, he added.

"The function of this tribunal is quasi-judicial in nature and demands a high level of diligence in delivering fair judgment.

"That is why they were chosen," he said in a speech when announcing the appointment of the TPG and MPGig members yesterday.

He added that the tribunal will serve as a platform for resolving contract disputes in a fair, speedy and cost-effective manner through hearings, mediation and decisions on them.

"To all council members, remember that we are here to



facilitate, not to frustrate, as every decision made will have a direct impact on workers," he said.

Meanwhile, the council appointed 26 members from various backgrounds, representing the government, gig workers and contracting entities.

Former Human Resources Ministry secretary-general Datuk Dr Mohd Gazali Abas will lead the council, Ramanan said.

"The council will serve as a platform for dialogue, negotiation and advisory services on policies and issues arising within the gig sector involving relevant stakeholders.

"Those appointed are experi-

enced industry players and pioneers who have the experience, technical know-how and years of expertise to help us make the most informed decisions," he said.

The council held its inaugural conference following its establishment yesterday to determine the minimum income floor rate for gig workers.

"I hope that every negotiation will be conducted based on the principle of comprehensive fairness, not only to protect the welfare of gig workers but also to ensure fairness for platform providers," he said at a press conference after the ceremony.

The setting up of TPG and MPGig follows the enforcement of

the Gig Workers Act 2025 on March 31.

The new law is meant to provide a dedicated legal framework to regulate the gig industry and protect the estimated 1.64 million Malaysians engaged in platform-based and other forms of gig work through basic legal safeguards.

Malaysia is the first country in the region to introduce comprehensive legislation specifically to protect gig workers.

WATCH THE  
**VIDEO**  
TheStarTV.com



# 'I cannot grieve for too long'

## Klang rider's widow to seek work, receive lifelong pension

**SHAH ALAM:** Though it has only been a few days since the tragic loss of her husband in a road accident, Nor Nadia Abdul Majid is forced to set aside her grief to support her family.

"I need to look for work to support my children.

"For their sake, I cannot grieve for too long," said the 32-year-old mother of three, who put on a brave front despite struggling to hold back her emotions.

Last Sunday, Nor Nadia's husband, Amirul Hafiz Omar, 33, was fatally struck by a car driven by an intoxicated driver along Jalan Raya Barat, Klang.

The impact threw him onto the roof of another vehicle and he was pronounced dead at the scene.

The death of her husband has left Nor Nadia, a housewife, solely responsible for raising their three children, Muhammad Aqif Amsyar, nine, Muhammad Afif Izz Rayqal, seven, and Nur Humaira, two.

"My children are still young. They need an education and they need me.

"I have to be strong," she said when met at her home in Pangsapuri Ken Rimba yesterday.

Though mourning her loss, she said she is drawing strength from her children, who have been visiting their father's grave every day.

Nor Nadia expressed gratitude for the overwhelming support from Malaysians of all back-



**Safety net:**  
Mohammed Azman handing over Amirul Hafiz's survivor's pension to Nor Nadia.  
— KK SHAM/  
The Star

grounds, some of whom had left donations at her doorstep.

Amid her uncertainty, a measure of relief has come in the form of the Social Security Organisation (PERKESO).

The family is eligible for a survivors' pension after checks confirmed that Amirul Hafiz had consistently contributed to the workers' protection scheme throughout his 15 years of employment.

PERKESO chief executive officer Datuk Seri Dr Mohammed Azman Aziz Mohammed said Amirul Hafiz's contributions will now serve as a financial lifeline for the family.

He said Nor Nadia will receive monthly payments for life, while her children are entitled to education assistance until they turn 21

or complete their first degree.

The total monthly benefit amounts to RM2,888.17, with an additional RM3,000 funeral aid already disbursed, he added.

Mohammed Azman described the support Nor Nadia is receiving as a "legacy" of her late husband, underscoring the importance of consistent PERKESO contributions in protecting families against unexpected tragedies.

However, he noted that not all workers are equally protected.

Although not widespread, Mohammed Azman said some employers were found to make inconsistent PERKESO contributions, while others skipped payments altogether to cut costs.

He said such practices are usually detected through record checks, leading to investigations

and enforcement by PERKESO.

"Saving costs should not come at the expense of workers' welfare," Mohammed Azman stressed, adding that failure to contribute could leave dependants in a vulnerable position in times of crisis.

On April 1, R. Saktygaanapathy, 28, was charged with two offences at the Klang Magistrate's Court for the accident.

He had tested positive for both drugs and alcohol following the fatal crash.

Saktygaanapathy was charged with murder under Section 302 of the Penal Code and Section 15(1) (a) of the Dangerous Drugs Act for being under the influences of drugs during the accident.

He pleaded guilty to the second charge.